

Siaran Media

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM MENAWARKAN BANTUAN KEWANGAN UNTUK MANGSA BANJIR

Memberikan fleksibiliti pembiayaan kewangan kepada pelanggan Pembiayaan Rumah, Peribadi dan Kenderaan yang terjejas; Moratorium sehingga 6 bulan disediakan untuk membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

KUALA LUMPUR, Rabu, [27 November 2024]: Peka dengan keadaan banjir yang melanda beberapa kawasan di seluruh Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) hari ini mengumumkan pelancaran semula Program Prihatin Banjir bagi membantu pelanggan pembiayaan yang layak dan terjejas. Pelanggan Pembiayaan Rumah, Peribadi, dan Kenderaan-i yang terkesan akibat bencana ini boleh memohon penangguhan ansuran bulanan sehingga enam (6) bulan, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

Selain itu, Bank Islam turut menawarkan penggantian kad kredit, kad debit-i dan buku cek yang rosak atau hilang secara percuma.

Bagi membantu perniagaan mikro, kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas akibat banjir, Bank Islam menawarkan program pembiayaan Kemudahan Bantuan Bencana untuk PKS yang terkesan di kawasan bencana banjir yang telah dikenal pasti oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Di bawah kemudahan ini, PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan untuk membaik pulih atau menggantikan aset perniagaan mereka, seperti kilang dan mesin yang rosak akibat banjir serta menyediakan modal kerja yang diperlukan.

Sementara itu, moratorium sehingga enam (6) bulan turut disediakan untuk pelanggan PKS Bank Islam sedia ada yang terjejas di kawasan yang dikenal pasti oleh NADMA. Bantuan kewangan ini terbuka kepada semua kemudahan kredit dengan pembayaran berjadual atau berdasarkan kontrak, khususnya Kemudahan Pembiayaan Berjangka, Kredit Berpusing & Kemudahan Garis Tunai serta Kemudahan Perdagangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Bank Islam sentiasa memantau situasi terkini di semua kawasan yang terjejas. Kami turut prihatin

terhadap cabaran yang dihadapi pelanggan, justeru kami mengambil tindakan proaktif untuk memastikan proses dokumentasi dan kelulusan mudah tidak membebankan mereka."

"Kesejahteraan komuniti sentiasa menjadi keutamaan Bank Islam. Oleh itu, kami berharap Program Prihatin Banjir dan Kemudahan Bantuan Bencana untuk PKS yang terjejas dapat membantu meringankan kebimbangan pelanggan terhadap komitmen kewangan mereka dalam waktu yang sukar ini," tambah Mohd Muazzam.

Permohonan untuk bantuan kewangan di bawah Program Prihatin Banjir boleh dibuat di cawangan Bank Islam terdekat dalam tempoh tiga (3) bulan insiden.

Maklumat lanjut mengenai Program Prihatin Banjir boleh didapati di laman web korporat Bank Islam, www.bankislam.com. Pelanggan juga boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di contactcenter@bankislam.com.my atau 03-26 900 900 untuk maklumat lanjut.

Pelanggan Pembiayaan Perniagaan-i yang terjejas boleh membuat pertanyaan dan permohonan bantuan melalui cawangan Bank Islam terdekat atau melalui e-mel di sme-assist@bankislam.com.my.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.